

Headline
Date
Media Title
Section
Circulation
Readership

Kerjasama untuk kesesuaian industri
10. Sep 2008
Harian Metro
Variasi
336603
2192000

Language
Page No
Article Size
Frequency
Color
AdValue

MALAY
5
261 cm2
Daily
Full Color
3354.62



Kerjasama untuk kesesuaian industri

Berita IT

>>Oleh Afiq Hanif
afiq@nstp.com.my

DAYA saing lebih baik dengan penghasilan teknologi yang mampu diketengahkan di dalam dan luar negara aset penting bagi melonjakkan industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) tempatan.

Untuk mencapai hasrat itu, Mimos Bhd (Mimos) membina kerjasama dengan Persatuan Industri Komputer dan Multimedia Malaysia (Pikom) bagi mengenal pasti kehendak pasaran industri ICT tempatan.

Presiden dan Ketua Eksekutifnya, Datuk Abdul

Wahab Abdullah, berkata industri ICT tempatan mampu memberikan impak yang baik dalam dunia digital jika produk atau perkhidmatan ditawarkan menepati keperluan semasa.

"Oleh itu, jalinan kerjasama ini akan membolehkan Mimos memadankan platform teknologi yang dihasilkannya untuk dibangun syarikat teknologi maklumat tempatan," katanya.

Menurut Abdul Wahab, kerjasama dijalin membolehkan industri memadankan penghasilan teknologi berdasarkan enam kluster khusus untuk sebarang peluang pemindahan teknologi.

"Antara enam teknologi kluster itu ialah grid pengetahuan, teknologi pengetahuan, keselamatan maklumat, komunikasi tanpa wayar dan mikro-nano," katanya.

Katanya, kerjasama dengan Pikom bertujuan mengenal

Oleh itu, jalinan kerjasama ini akan membolehkan Mimos memadankan platform teknologi yang dihasilkannya untuk dibangun syarikat teknologi maklumat tempatan"

>Datuk Abdul Wahab Abdullah
Presiden/Ketua Eksekutif Mimos Bhd



pasti teknologi yang dapat disesuaikan untuk dibangunkan secara lebih komersial.

"Sehingga kini, kami meluluskan proses pemindahan teknologi kepada 12 syarikat tempatan untuk dibangunkan menjadi produk dan aplikasi bagi memenuhi kehendak pasaran," katanya.